

UCAPAN BELANJAWAN 2002 DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

PENDAHULUAN

Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

1. Terlebih dahulu saya mengucapkan syukur kepada Allah Subhanahu Wa Taala kerana dengan izinNya dapat kita berhimpun pada pagi ini dalam sidang akhbar bagi mengumumkan belanjawan DBKL tahun 2002.

2. Dalam ucapan belanjawan saya pada tahun lalu, saya telah menggariskan pendekatan dan program-program yang akan diambil dan dilaksanakan bagi mengurus dan membangunkan Kuala Lumpur dalam memasuki alaf baru.

3. Bagi belanjawan kali ini aspek-aspek keselamatan dan peningkatan taraf hidup semua golongan warga kota akan dititikberatkan. DBKL akan melaksanakan program penempatan semula setinggan, meningkatkan taraf peniaga kecil dan penjaja, meningkatkan promosi dan pembangunan pelancongan, memperbanyak projek-projek kemudahan masyarakat dan infrastruktur serta meningkatkan aktiviti pembangunan sosial. Di samping itu DBKL juga akan mempertingkatkan perkhidmatan seperti mempercepatkan proses pengeluaran kelulusan perancangan, lesen dan lain-lain.

BELANJAWAN 2002

Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

4. Bagi tahun 2002, DBKL dijangka akan membelanjakan sejumlah 1,470 juta ringgit berbanding 1,299 juta ringgit pada tahun 2001. Ini merupakan kenaikan pada kadar 13.17%. Pendapatan pula dijangka meningkat kepada 1,166.08 juta ringgit, berbanding dengan 1,021.83 juta ringgit pada tahun 2001, iaitu pertambahan pada kadar 14.12%,

5. Dari jumlah perbelanjaan 1,470 juta ringgit, 858.73 juta ringgit atau 58.41% adalah untuk perbelanjaan mengurus, manakala 611.39 juta ringgit atau 41.59 % merupakan perbelanjaan

pembangunan. Perbelanjaan mengurus meningkat sebanyak 9.50% manakala perbelanjaan pembangunan meningkat sebanyak 18.75% berbanding tahun 2001. Pertambahan perbelanjaan pembangunan ini merupakan peruntukan yang diterima dari Kerajaan Pusat dalam Rancangan Malaysia Ke 8 iaitu sebanyak 294.55 juta ringgit.

PERBELANJAAN MENGURUS

6. Perbelanjaan mengurus akan terus memberi keutamaan kepada usaha-usaha meningkatkan tahap perkhidmatan perbandaran. Sejumlah 207.59 juta ringgit atau 24.17% telah diperuntukkan bagi kerja-kerja pembersihan, pengurusan pasar, penjaga dan kesihatan.

7. Untuk menyelenggara jalan dan pengurusan lalulintas sejumlah 110.76 juta ringgit atau 12.90% telah diperuntukkan. Manakala, pengurusan dan penyelenggaraan perumahan awam sebanyak 102.75 juta ringgit atau 11.97% dijangka akan dibelanjakan. Selain dari itu, kerja-kerja pengindahan juga diperuntukan dengan jumlah 86.73 juta ringgit atau 10.10%. (Pecahan perbelanjaan mengurus adalah seperti di Lampiran 1)

PERBELANJAAN PEMBANGUNAN

8. Daripada keseluruhan perbelanjaan pembangunan, sejumlah 202.89 juta ringgit atau 33.18% telah diperuntukkan untuk pembangunan masyarakat. Dari jumlah tersebut 194.39 juta ringgit akan dibelanjakan untuk pembinaan bangunan-bangunan kemudahan awam seperti pasar dan gerai, kompleks sukan, taman rekreasi dan projek-projek kampung. Manakala 8.5 juta ringgit telah diperuntukkan bagi melaksanakan aktiviti sosial dan pembangunan masyarakat.

9. Sebagai langkah mengimbangkan kemelesetan ekonomi negara akibat daripada keadaan ekonomi dunia, DBKL akan terus menggalakkan pembangunan sektor pelancongan. Bagi tujuan tersebut sejumlah 25.13 juta ringgit telah diperuntukkan berbanding dengan 17.08 juta ringgit pada tahun 2001.

10. DBKL juga menerima bantuan langsung daripada Keerajaan Pusat bagi kerja-kerja infrastruktur yang besar. Sejumlah 196.66 juta ringgit diperuntukkan bagi sistem pengangkutan awam, kerja-kerja jalan raya dan pembangunan tempat letak kereta. Sementara itu, kerja-kerja perparitan dan penyelenggaran

sungai telah diperuntukan sebanyak 129.0 juta ringgit meliputi projek-projek tebatan banjir. (Pecahan perbelanjaan pembangunan adalah seperti di Lampiran 2)

PENDAPATAN

11. Daripada anggaran pendapatan sebanyak 1,166.08 juta ringgit, sejumlah 565.40 juta ringgit merupakan hasil daripada cukai pintu. Manakala pendapatan lain seperti sewaan, faedah, lesen dan permit serta caj pembangunan dijangka diperolehi sebanyak 272.14 juta ringgit. Selain dari itu, bantuan langsung dari Kerajaan Pusat berjumlah 328.55 juta ringgit.(Anggaran pendapatan adalah seperti di Lampiran 3)

MENINGKATKAN TARAF HIDUP WARGA KOTA TERUTAMANYA GOLONGAN

PENDAPATAN RENDAH

12. Sebagaimana tuan puas maklum, bilangan keluarga setinggan di Kuala Lumpur berjumlah 24,387. Selaras dengan matlamat kerajaan untuk menempatkan semula semua setinggan, usaha-usaha untuk membina perumahan kos rendah akan terus dilaksanakan. Sebanyak 34,148 unit rumah kos rendah dibina melalui Program Projek Perumahan Rakyat Bersepadu (PPR) yang telah dimulakan pada tahun 1999. Dari jumlah ini, 10,744 unit akan disiapkan pada tahun 2002. Selain daripada itu program-program perumahan lain juga akan turut menyumbang lebih 35,000 unit rumah kos rendah.

13. Kawasan perumahan PPR ini perlulah dilengkapkan dengan kemudahan-kemudahan masyarakat yang mencukupi seperti dewan, surau, pasar, tadika, padang dan pusat permainan kanak-kanak. Untuk tujuan ini, satu peruntukan khas sejumlah 15.0 juta ringgit telah disediakan.

14. DBKL juga sedar golongan yang berhijrah ke Kuala Lumpur terdiri dari golongan bujang. Untuk golongan ini DBKL menyediakan kemudahan tempat tinggal yang boleh disewa. Sejumlah 6 juta ringgit disediakan untuk pembinaan tiga projek apartment bujang 5 tingkat di Cheras dan Gombak. Apartment bujang di Gombak dijangka akan dibuka pada pertengahan tahun 2002. DBKL akan terus menambah bilangan projek untuk golongan ini pada masa hadapan. (Lampiran 4)

MENINGKATAN TARAF PENJAJA DAN PENIAGA KECIL

15. Pada masa ini terdapat sejumlah 39 pasar terbuka yang mengandungi 3,020 penjaja. Di samping itu terdapat lebih 8,000 penjaja statik yang menjalankan perniagaan di luar bangunan seperti di tepi dan bahu jalan. Keadaan pasar terbuka dan penjaja statik ini tidak teratur dan kotor. Oleh itu DBKL akan memberikan keutamaan kepada peniaga kategori ini untuk ditempatkan di pasar-pasar dan pusat-pusat penjaja yang akan dibina. Untuk tujuan ini DBKL menyediakan peruntukan sejumlah 44.83 juta ringgit untuk pembinaan 24 bangunan pasar dan pusat penjaja yang baru dan menaiktaraf 5 buah pasar sedia ada.

16. Di samping itu, DBKL juga akan membina dua pusat komersial yang menggabungkan kemudahan seperti pasar, pusat penjaja, arked, bazar, dewan dan restoran makar dan segera di samping mempunyai tempat letak kereta yang mencukupi. Untuk tujuan ini sebanyak 9.0 juta ringgit telah diperuntukkan.

KEMUDAHAN AWAM YANG BERKUALITI

Tuan-tuan dan puan-puan,

17. DBKL akan terus memastikan masyarakat mendapat kemudahan pusat komuniti, klinik dan masjid yang mencukupi bagi memenuhi keperluan fizikal, mental dan rohaniah warga kota.

18. Untuk tujuan di atas sejumlah 11.25 juta ringgit telah diperuntukkan pada tahun 2002 untuk membina 8 pusat komuniti. Pusat komuniti yang dibina merupakan gabungan bangunan kemudahan awam yang dilengkapi dengan kemudahan sukan dan sosial untuk semua lapisan masyarakat.

19. DBKL juga memperuntukkan sejumlah 7.05 juta ringgit untuk pembinaan masjid dan surau di kawasan perumahan awam. Selain daripada itu sejumlah 1.23 juta ringgit disediakan untuk mengubahsuai empat buah Klinik Kanak-Kanak dan Ibu Mengandung. (Lampiran 5)

SUKAN SEBAGAI ALAT PERPADUAN

Tuan-tuan dan puan-puan,

20. DBKL percaya sukan boleh digunakan sebagai alat penyatuan warga kota yang terdiri dari pelbagai bangsa dan berasal dari pelbagai negeri di Malaysia. Adalah menjadi harapan DBKL melalui program pembangunan sukan, Kuala Lumpur dapat melahirkan pasukan-pasukan sukan, atlit lelaki dan wanita bertaraf dunia yang menjadi kebanggaan warga kota.

21. Untuk mencapai matlamat ini DBKL melaksanakan dua strategi iaitu dengan menyediakan kemudahan-kemudahan sukan dan melaksanakan program-program sukan. Sejumlah 9.55 juta ringgit dari sebahagian kos projek berjumlah 43.2 juta ringgit diperuntukkan untuk pembinaan kemudahan sukan pada tahun 2002. Sebanyak 2.05 juta ringgit dari peruntukan ini digunakan untuk membina dan menaiktaraf padang di perumahan awam, padang bola dan padang hoki. (Lampiran 6).

22. DBKL akan lebih agresif dalam menganjurkan acara sukan khususnya untuk golongan belia dan pelajar. Bagi tujuan ini DNKL akan bekerjasama dengan persatuan-persatuan sukan, organisasi bukan kerajaan, organisasi bersaskan komuniti, kelab-kelab sukan dan badan-badan korporat.

TAMAN UNTUK SEMUA

Tuan-tuan dan puan-puan,

23. DBKL akan terus melengkapkan taman-taman sedia ada dan taman baru dengan pelbagai kemudahan rekreasi bagi memberikan warga kota pilihan untuk beriadah mengikut citarasa masing-masing. Sebagai contoh di Taman Lembah Kiara disediakan kemudahan untuk 'jungle trekking'. Ini bermakna warga kota yang gemar aktiviti ini tidak perlu keluar lebih jauh bagi menjalankan aktiviti tersebut. Bagi yang gemarkan kegiatan sukan lasak pula, DBKL sedang menyediakan kemudahan sukan Xtreme Games di Taman Metropolitan Batu.


24. Pada tahun 2002 dua projek taman baru akan dilaksanakan iaitu Citypark di Setapak dan Taman Aboretum Bukit Kiara. Taman aboretum ini merupakan taman pertama seumpamanya di Kuala Lumpur. Selain daripada menyiapkan projek taman yang sedang dalam pembinaan seperti Taman Metropolitan Kepong, Taman Metropolitan Batu dan Taman Pudu Ulu, DBKL akan mempertingkatkan taman-taman sedia ada seperti menyediakan kemudahan 'rubberised track' di Taman Tasik Perdana, Taman Lembah Kiara dan Taman Tasik Permaisuri.

25. Di samping itu sebanyak 60 buah Taman Permainan Kanak-Kanak akan disediakan untuk memberikan kemudahan kepada penduduk-penduduk setempat. Bagi melaksanakan kesemua projek-projek di atas, sejumlah 33.25 juta ringgit diperuntukkan bagi tahun 2002.

26. DBKL juga akan memastikan taman-taman dan pokok-pokok diselenggarakan dengan baik. Sejumlah 26.86 juta ringgit diperuntukkan bagi tujuan itu. (Lampiran 7)

PROMOSI DAN PEMBANGUNAN PELANCONGAN

Tuan-tuan dan puan-puan,



27. Peningkatan jumlah pelancong ke Malaysia dari 7.98 juta ringgit pada tahun 1999 ke 10.2 juta ringgit pada tahun 2000 merupakan peningkatan tertinggi dalam sejarah industri pelancongan negara. Pertumbuhan positif ini meletakkan industri pelancongan sebagai sumber pendapatan tukaran wang asing dan sumber ekonomi negara yang kedua terbesar. Memandangkan ini merupakan satu pencapaian yang amat baik, kerajaan sedar betapa perlunya usaha membangunkan industri pelancongan ini diteruskan melalui perkembangan idea-idea yang inovatif dan kerjasama sepadu dari semua pihak yang prihatin terhadap kemajuan industri pelancongan negara.

28. Dalam usaha untuk menjadikan Kuala Lumpur sebagai destinasi pelancongan yang unggul di rantau ini, DBKL telah dan akan terus melaksanakan program-program pelancongan seperti menaikkan taraf kawasan-kawasan yang sering dikunjungi oleh pelancong seperti Jalan Petaling, Jalan Masjid India, Jalan Chow Kit dan pembangunan semula kawasan tepi sungai di antara Pasar Seni dan Masjid Jamek. Untuk tujuan ini sejumlah 22.0 juta ringgit telah diperuntukkan. Selain daripada itu sejumlah 3.13 juta ringgit diperuntukkan untuk promosi pelancongan seperti penyertaan pameran pelancongan antarabangsa, persembahan kebudayaan di luar negara, penyediaan brochure, buku panduan dan laporan media terkini. (Lampiran 8).

29. Pelacongan sukan merupakan suatu perkara yang baru di negara ini. Promosi dan publisiti bagi pelancongan sukan masih tidak ketara serta dianggap sebagai suatu perkara sampingan dan tidak dirancang. Menyedari akan kepentingan bidang ini, DBKL sedang mengambil tindakan dan usaha-usaha ke arah menggalak dan memajukan kegiatan pelancongan sukan di Kuala Lumpur. DBKL kini sedang bekerjasama dengan Kementerian Belia dan Sukan Malaysia, Jabatan Belia dan Sukan Wilayah Persekutuan dan persatuan-persatuan sukan kebangsaan dalam pengajuran beberapa acara sukan terutamanya yang bertaraf antarabangsa bagi tujuan pelancongan sukan pada tahun 2002 seperti Asian Games 2002 Qualifier, 'Le Tour de Langkawi', Kejohanan Hoki Veteran dan Kejohanan Hoki Piala Dunia dan KL International Marathon.

KEMUDAHAN INFRASTRUKTUR DI KAMPUNG TRADISI DAN KAMPUNG BARU

Tuan-tuan dan puan-puan,

30. DBKL akan memberikan keutamaan kepada penyediaan infrastruktur di kawasan-kawasan perkampungan tradisi dan kampung baru. Pembinaan infrastruktur ini diharap bukan saji memberikan kemudahan bahkan meningkatkan nilai tanah dan secara tidak langsung akan meningkatkan taraf sosio ekonomi penduduk dan pemilik tanah yang terlibat. Untuk menjayakan rancangan ini, kerjasama sepenuhnya adalah diperlukan daripada pemilik-pemilik tanah supaya bersedia menyerahkan bahagian tanah mereka yang terlibat dengan projek-projek infrastruktur tersebut demi kebaikan bersama. Untuk tujuan ini DBKL telah memperuntukkan sejumlah 27 juta ringgit berbanding dengan 17.6 juta ringgit pada tahun 2001.

INFRASTRUKTUR

31. DBKL telah memperuntukkan sejumlah 26 juta ringgit untuk meneruskan usaha membina beberapa persimpangan bertingkat bagi mengurangkan kesesakan lalulintas. Di samping itu, lapan jalan penyambung (missing links) akan dibina untuk menyuraikan lalulintas dengan lebih efisien dengan peruntukan sejumlah 35 juta ringgit. Program pembaikan jalan utama untuk melicinkan pengaliran lalulintas juga akan diteruskan dengan peruntukan sebanyak 23.45 juta ringgit.

32. Pada tahun 2002, sebanyak 11.51 juta ringgit telah disediakan bagi menggantikan jambatan lama seperti jambatan besi di Jalan Sultan Sulaiman. Manakala sebanyak 14.0 juta ringgit telah disediakan bagi tujuan penyelenggaraan jalan raya supaya sentiasa berada pada tahap yang baik.

33. Selain itu, beberapa bulatan jalan yang dikenalpasti tidak mampu lagi menampung penambahan aliran lalulintas dan menjadi punca masalah kesesakan lalulintas akan ditukar kepada persimpangan berlampau isyarat pada tahun 2002. Untuk ini sejumlah 1 juta ringgit telah diperuntukkan.
34. Bagi menggalakkan lebih ramai warga kota menggunakan kemudahan pengangkutan awam khususnya sistem pengangkutan rel, beberapa projek kemudahan sokongan pengangkutan awam seperti penyediaan laluan-laluan siar kaki berbumbung (covered walkway) dan kemudahan park & ride di stesyen-stesyen LRT akan diteruskan pada tahun 2002. Kemudahan yang serupa akan turut disediakan di beberapa buah stesyen lain pada tahun 2002 dengan peruntukan sebanyak 3 juta ringgit.
35. Penyediaan kemudahan sokongan pengangkutan awam seperti pondok perhentian bas/teksi dan pembinaan perabot jalan seperti papan-papan tanda arah, panel laluan bas dan jejantas akan terus dilaksanakan. Sejajar dengan usaha mengwujudkan 'Pedestrian Friendly City', sepanjang 85 kilometer laluan siar kaki telah dipertingkatkan tarafnya. Selain itu, beberapa jambatan pejalan kaki yang merintangi sungai akan dibina. Usaha ini adalah bagi mengwujudkan persekitaran rangkaian laluan pejalan kaki yang lebih menarik, selesa dan selamat. Untuk tujuan ini, sebanyak 13.4 juta ringgit telah diperuntukkan.
36. Pengurusan sistem tempat letak kereta di pusat komersial dalam kawasan perumahan yang kurang terurus menjadi salah satu faktor kewujudan masalah lalulintas. Usaha akan dilaksanakan bagi mengwujudkan sistem tempat letak kereta yang lebih teratur dan selesa di kawasan tersebut. Masalah kacau ganggu di kawasan perumahan yang berpunca dari kenderaan berat dijangka akan dapat diatasi dengan penyediaan kemudahan tempat bagi meletak kenderaan-kenderaan berat di kawasan yang dikhaskan. Untuk tujuan tersebut sebanyak 3.0 juta ringgit akan diperuntukkan.
37. Sistem Kawalan Lalulintas Berkomputer akan dipertingkatkan di mana 5 juta ringgit telah diperuntukkan. Pengenalan Sistem Maklumat Lalulintas Masa Kini (Real Trafic Information System) yang telah dilancarkan pada tahun 1999 telah berjaya membantu menyalurkan maklumat lalulintas yang tepat, terkini dan pantas kepada warga kota. Oleh itu, DBKL akan memberikan tumpuan terhadap perkembangan bidang teknologi maklumat ini melalui perlaksanaan beberapa projek di bawah Integrated Transport Information System (ITIS) pada tahun 2002. Bagi tujuan ini peruntukan melalui bantuan lansung Kerajaan Pusat akan disediakan. (Lampiran 9)

TEBATAN BANJIR

Tuan-tuan dan puan-puan,

38. Jabatan Pengairan dan Saliran, Kementerian Pertanian adalah pihak yang bertanggungjawab kepada program tebatan banjir Lembah Klang termasuk kawasan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Walaubagaimanapun DBKL adalah bertanggungjawab kepada parit induk yang secara langsung menyumbang kepada tebatan banjir setempat.

39. Antara strategi tebatan banjir setempat termasuklah pembinaan sistem rumah pam saluran induk bawah tanah, membina kolam takungan banjir dan memasang pintu air automatik. Projek-projek peningkatan parit-parit tanah dan anak-anak sungai, penyelenggaraan parit-parit induk serta sungai-sungai akan dipergiatkan untuk mengurangkan masalah banjir kilat. Untuk ini sejumlah 129 juta ringgit diperuntukkan yang mana 109.1 juta ringgit adalah merupakan bantuan langsung daripada Kerajaan Pusat. Di samping itu, beberapa projek bagi menyelesaikan masalah banjir setempat akan dilaksanakan yang mana akan siap sepenuhnya pada tahun 2003.

40. Bagi menyelesaikan masalah banjir di kawasan pusat Bandar, DBKL dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) sedang mengkaji penyelesaian menyeluruh seperti mengadakan lencungan banjir yang akan mengurangkan beban Sungai Kelang terutamanya di kawasan rendah dan di pusat Bandar sekaligus dapat menyelesaikan masalah banjir di kawasan-kawasan tersebut.

41. Usaha-usaha DBKL di atas tidak akan berhasil sepenuhnya tanpa kerjasama warga kota. Warga kota khususnya setinggan-setinggan, pemaju-pemaju, kontraktor-kontraktor, penajaj-penjaja serta individu seharusnya lebih bertanggungjawab menjaga kebersihan parit dan sungai dengan tidak membuang sampah sarap serta bahan binaan dan sebagainya.

PROGRAM PEMBANGUNAN SOSIAL

PROGRAM NADI

Tuan-tuan dan puan-puan,

42. Perkhidmatan pembangunan masyarakat Kuala Lumpur seharusnya diberi tempat yang setanding pembangunan fizikal. Masyarakat yang sejahtera adalah sebagai satu jaminan untuk memastikan Kuala Lumpur sentiasa berdaya saing dan berdaya maju. Aktiviti pembangunan masyarakat akan dipertingkatkan bagi menangani pelbagai masalah sosial. Tumpuan akan diberi kepada kawasan-

kawasan setinggan dan perumahan awam. Aktiviti-aktiviti yang akan dilaksanakan termasuklah aktiviti sukan, kebudayaan, pendidikan, belia, kemasyarakatan. Kesenian, kegiatan riadah dan lain-lain.

43. Pada tahun 2002, Program NADI telah diperuntukkan sebagai 6.06 juta ringgit berbanding dengan 3.4 juta ringgit pada tahun 2001. Selain daripada itu satu peruntukan baru berjumlah 7.0 juta ringgit telah disediakan bagi tujuan menyediakan infrastruktur dan memperluaskan aktiviti-aktiviti NADI.

44. Pusat Jagaan Harian Wargatua adalah merupakan sebuah pusat setempat yang menyediakan kemudahan-kemudahan asas bagi membolehkan kumpulan wargatua berinteraksi sesama sendiri melalui kegiatan-kegiatan bersaskan aktiviti perkembangan minda, kesihatan dan kesejahteraan am seperti latihan fisioterapi, aktivit ceramah, lawatan, hobi dan pelajaran komputer, serta aktiviti-aktiviti lain yang berkaitan. Pusat wargatua di Cheras akan mula beroperasi pada awal tahun hadapan. Manakala enam buah pusat lagi akan ditempatkan di pusat-pusat komuniti dan kompleks sukan yang sedang dalam pembinaan. Selain daripada itu, sebagai usaha meningkatkan perkhidmatan Program NADI, sebuah pusat setempat bagi menjalankan semula aktiviti NADI akan ditubuhkan di Desa Pandan pada awal tahun hadapan.

45. Program kaunseling dan ceramah akan diaturkan di kawasan perumahan awam dan setinggan untuk memberikan penerangan dan pendedahan kepada penduduk mengenai pembangunan kerjaya, kesihatan, kesedaran sivik dan pembangunan keluarga. Bagi tujuan ini satu peruntukan khas untuk program pembangunan masyarakat berjumlah 27.39 juta ringgit telah disediakan. (Lampiran 10)

PENYERTAAN MASYARAKAT

46. Setiap tahun sejumlah wang yang besar dibelanjakan untuk mengganti pokok-pokok dan memperbaiki kemudahan masyarakat seperti peralatan permainan kanak-kanak, dan perabot jalan yang dirosakkan. Sebahagian warga kota tidak menghargai kemudahan yang disediakan kerana beranggapan DBKL bertanggunjawab sepenuhnya untuk menyediakan dan menjaga kemudahan-kemudahan tersebut.

47. DBKL akan menggalakkan warga kota untuk meningkatkan kualiti persekitaran kediaman dengan menyediakan sendiri kemudahan dan menanam pokok-pokok di sekitar kawasan perumahan. Adalah

diharapkan apabila warga kota menyediakan kemudahan-kemudahan tersebut, mereka akan lebih menghargai kemudahan masyarakat dan menjaganya seperti menjaga harta benda mereka sendiri.

48. Salah satu program yang akan dilaksanakan adalah Program Bantuan Sepadan Kejiranan. Program ini merupakan perkongsian di antara DBKL dengan organisasi-organisasi berdasarkan kejiranannya seperti Persatuan Penduduk. Sebagai contoh, DBKL akan menyumbangkan bahan-bahan manakala Persatuan Penduduk pula akan menyumbangkan tenaga kerja untuk melaksanakan sesuatu projek tersebut. Di antara projek kejiranannya yang boleh dipertimbangkan untuk program ini termasuklah pembinaan dan pemasangan taman mainan, membaiki taman sedia ada dan menanam pokok serta projek-projek kecil untuk masyarakat setempat.

PENINGKATAN PERKHIDMATAN

49. DBKL akan sentiasa meningkatkan mutu perkhidmatan yang diberikan kepada warga kota. Sistem dan prosedur kerja akan terus diperkemaskini bagi mematuhi standard perkhidmatan seperti kecekapan, keberkesanannya dan ekonomik. Sebagai contoh proses untuk mendapatkan kelulusan perancangan akan dipercepatkan dengan terlaksananya Sistem Kawalan Pembangunan. Sistem ini yang akan siap sepenuhnya dalam tempoh 3 tahun juga akan membantu pemilik tanah membuat semakan untuk mengetahui kedudukan terkini permohonan mereka.

50. Satu lagi langkah bagi meningkatkan kecekapan ialah dengan menggunakan khidmat luar (outsourcing) bagi beberapa perkhidmatan. Ianya penting bagi membolehkan DBKL menyesuaikan organisasinya selaras dengan keutamaan fungsi dan peranan yang sentiasa berubah. Bagi tujuan ini DBKL akan mengenalpasti beberapa perkhidmatan lagi yang perlu dan sesuai

PENUTUP

Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

51. Untuk mejadikan Kuala Lumpur sebuah Bandar raya yang seimbang dan mempunyai taraf kehidupan yang bermutu, pembangunan fizikal dan infrastruktur sahaja tidak mencukupi. Pembangunan warga kota itu sendiri perlu dipertingkatkan selaras dengan pembangunan fizikal. Oleh iti dalam Belanjawan

2002 ini, tumpuan telah memberikan tumpuan yang lebih terhadap penyediaan kemudahan dan aktiviti-aktiviti pembangunan masyarakat.

52. Sehingga kini sokongan dan kerjasama pelbagai pihak cukup baik dan memberangsangkan. Kita amat berterima kasih kepada pihak media massa yang prihatin untuk melapor, menegur serta memberi maklumbalas dalam pelbagai permasalahan warga kota. Ucapan penghargaan dan setinggi terima kasih juga kepada agensi kerajaan dan swasta, pemimpin masyarakat, Organisasi Bukan Kerajaan, Organisasi Berasaskan Komuniti, badan korporat dan profesional yang membantu pentadbiran DBKL mengurus, merancang dan memajukan Kuala Lumpur. Saya menyanjung tinggi kerjasama ini dan berharap ia dapat dipertingkatkan lagi.

53. Akhirnya, marilah kita bersama-sama berdoa kepada Allah Subhanahu Wa Taala supaya merestui dan meberkati segala usaha dan cita-cita kita. InsyaAllah.

Sekian, terima kasih.

